

PERATURAN PEMILIHAN PEMUDA PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

1.0 MASA

Tempoh masa untuk Cawangan, Bahagian, Negeri dan Nasional untuk mengadakan pemilihan pada tahun yang seharusnya diadakan pemilihan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan kelulusan Jawatankuasa Pusat (Artikel 43.1).

2.0 KELAYAKAN

2.1 Pentakrifan

2.1.1 Seseorang tidak layak mengundi dalam pemilihan parti kecuali namanya disenaraikan dalam daftar "Pengundi layak" yang disahkan oleh Setiausaha Agung atau timbalannya ataupun telah memperolehi kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Kerja Pusat.

2.1.2 Seseorang ahli tidak layak untuk dicalonkan sebagai calon untuk bertanding dalam mana-mana jawatan dalam pemilihan parti melainkan beliau ialah seorang calon yang layak di bawah Artikel 41 Perlembagaan Parti, atau telah memperolehi kebenaran untuk dinamakan sebagai calon secara bertulis daripada Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional.

2.2 Peringkat Cawangan

2.2.1 Tiada sesiapa melainkan seorang ahli yang layak mengundi dalam sebuah Cawangan akan dibenarkan mengundi atau dicalonkan sebagai calon untuk sebarang jawatan dalam pemilihan Cawangan yang sama melainkan kebenaran bertulis telah diperolehi daripada Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional.

2.2.2 Walaupun peraturan 2.2.1 di atas, seseorang Ketua Pemuda Cawangan yang dipilih tidak layak dicalonkan sebagai calon untuk mempertandingkan jawatan Ketua Pemuda Cawangan jika beliau telah gagal menghadiri Persidangan Perwakilan Nasional Pemuda dua kali berturut-turut melainkan kebenaran khas telah diperolehi daripada Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional.

2.2.3 Satu Cawangan berhak memilih pemegang jawatannya hanya jika cawangan tersebut mempunyai sekurang-kurangnya 15 ahli atau lebih dalam daftar ahli yang layak mengundi.

2.3 Peringkat Bahagian

2.3.1 Tiada sesiapa layak untuk mengundi di mesyuarat Bahagian, melainkan beliau merupakan wakil ke mesyuarat Bahagian yang sama.

2.3.2 Seseorang ahli tidak dibenarkan mengundi di dalam mesyuarat atau pemilihan parti hanya jika beliau ialah ahli yang layak mengundi atau telahpun mendapat kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa Kerja Pusat.

- 2.3.3 Tiada sesiapa yang layak dicalonkan untuk mana-mana jawatan dalam Bahagian melainkan beliau merupakan wakil dipilih ke Bahagian yang sama dan juga merupakan seorang ahli yang layak mengundi dalam tahun pemilihan berkenaan.
- 2.3.4 Daftar ahli yang layak untuk pemilihan dalam satu Bahagian merupakan daftar wakil yang layak ke Bahagian yang dipilih oleh Cawangan-cawangan yang sama pada tahun tersebut, yang mana telah disemak oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri berkenaan selepas disahkan oleh Setiausaha Agung atau Timbalannya.
- 2.3.5 Sesebuah Bahagian hanya layak memilih pemegang jawatannya jika Bahagian tersebut mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) Cawangan yang sah dengan sekurang-kurangnya 15 orang ahli yang layak mengundi dalam setiap Cawangan.

2.4 Peringkat Negeri

2.4.1 Ahli-ahli yang layak untuk menghadiri Persidangan Perwakilan Negeri

Wakil-wakil yang dipilih daripada Cawangan dan Bahagian untuk mewakili Cawangan dan Bahagian masing-masing ke Persidangan Perwakilan Negeri berkenaan.

2.4.2 Ahli-ahli yang layak untuk mengundi

- (a) Dua (2) wakil dari setiap cawangan yang dipilih untuk mewakili Cawangan berkenaan ke Persidangan Perwakilan Negeri, dimana salah seorang adalah Pengerusi Cawangan.
- (b) Satu wakil dari setiap Bahagian yang dipilih untuk mewakili Bahagian berkenaan ke Persidangan Perwakilan Negeri.
- (c) Semua wakil yang tertera di atas mestilah ahli yang layak mengundi di mana Cawangan atau Bahagian yang diwakili mereka adalah sah pada hari Persidangan Perwakilan Negeri berkenaan dan nama mereka terdapat dalam senarai wakil berkeelayakan yang telah disahkan oleh Setiausaha Agung atau timbalannya.

2.4.3 Ahli-ahli yang layak dicalonkan sebagai calon

- (a) Semua wakil yang dipilih di bawah peruntukan artikel 2.4.2 di atas layak menjadi calon untuk sebarang jawatan dalam Negeri.
- (b) Semua ahli yang layak bertanding sebagai calon dalam Negeri mestilah **dicadang dan disokong oleh wakil-wakil yang dipilih** ke Persidangan Perwakilan Negeri.

2.5 Peringkat Nasional

2.5.1 Ahli-ahli yang layak untuk menghadiri Persidangan Perwakilan Nasional

Semua wakil yang dipilih di bawah peruntukan artikel 2.5.2 di bawah;

2.5.2 Ahli-ahli yang layak untuk mengundi

- (a) Ahli-ahli Jawatankuasa Pemuda Nasional yang sedia ada;
- (b) Wakil-wakil yang dipilih oleh Bahagian dan Persidangan Perwakilan Negeri ke Persidangan Perwakilan Nasional;
- (c) Pengerusi-pengerusi Cawangan atau wakil-wakil yang dilantik berdasarkan Artikel 14 dalam Undang-undang Kecil Pemuda Gerakan.

2.5.3 Ahli-ahli yang layak dicalonkan sebagai calon

- (a) Semua wakil yang dipilih di bawah peruntukan artikel 2.5.2 (a), (b), (c) ;
- (b) Mana-mana wakil yang dilantik daripada para perwakilan di bawah peruntukan artikel 2.5.2 layak dicalonkan sebagai calon dalam Persidangan Perwakilan Nasional jika beliau telah memperolehi kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Pusat berdasarkan Artikel 13.3 dalam Perlembagaan Parti.
- (c) Semua ahli yang layak bertanding sebagai calon untuk sebarang jawatan dalam Persidangan Perwakilan Nasional mestilah dicadang dan disokong oleh wakil-wakil yang dipilih ke Persidangan Perwakilan Nasional.

3.0 PEMEGANG JAWATAN YANG AKAN DIPILIH

3.1 Peringkat Cawangan

- (a) Sebuah Cawangan hendaklah memilih seorang Ketua Pemuda dan **enam (6)** Ahli Jawatankuasa.
- (b) Sebuah Cawangan hendaklah memilih seorang (1) wakil untuk setiap sepuluh (10) orang ahli mengundi atau sebahagian daripadanya dengan minimum tiga (3) dan maksimum sepuluh (10) orang wakil ke Bahagian (**di mana salah daripadanya mestilah Ketua Pemuda Cawangan**) seperti berikut :-

30 ahli layak mengundi dan ke bawah	3
31 - 40	4
41 - 50	5
51 - 60	6
61 - 70	7
71 - 80	8
81 - 90	9
91 dan ke atas	10

- (c) Ketua Pemuda Cawangan yang dipilih akan secara automatik menjadi salah seorang wakil ke mesyuarat Bahagian, Persidangan Perwakilan Negerinya, dan ke Persidangan Perwakilan Nasional.
- (d) Sebuah Cawangan, sebagai tambahan kepada Ketua Pemudanya, layak memilih **seorang (1)** wakil ke Persidangan Perwakilan Negeri.
- (e) Seseorang Ketua Pemuda Cawangan yang juga merupakan seorang ahli yang layak mengundi di Persidangan Perwakilan Nasional boleh melantik seorang lagi wakil daripada ahli jawatankuasa Cawangannya untuk mewakili Cawangan beliau di Persidangan Perwakilan Nasional.

3.2 Peringkat Bahagian

- (a) Sebuah Bahagian hendaklah memilih seorang Ketua Pemuda dan **enam (6)** orang Ahli Jawatankuasa daripada wakil Cawangannya.
- (b) Sebuah Bahagian hendaklah memilih **seorang (1)** wakil ke Persidangan Perwakilan Negeri yang mestilah Ketua Pemuda Bahagian kecuali beliau sudah menjadi perwakilan.
- (c) Sebuah Bahagian hendaklah memilih **tiga (3) orang** wakil ke Persidangan Perwakilan Nasional yang mana salah seorang daripadanya mestilah Ketua Pemuda Bahagian.

3.3 Peringkat Negeri

- (a) Sebuah Persidangan Perwakilan Negeri hendaklah memilih seorang Ketua Pemuda dan **enam (6)** orang Ahli Jawatankuasa daripada wakil-wakil yang dipilih oleh cawangan dan bahagian dalam negeri berkenaan.
- (b) Sebuah Persidangan Perwakilan Negeri hendaklah memilih **lima (5)** orang wakil ke Persidangan Perwakilan **Pemuda** Nasional yang mana salah seorang daripadanya mestilah Ketua Pemuda Negeri.
- (c) Sebuah Persidangan Perwakilan Negeri hendaklah memilih **lima (5)** orang wakil ke Persidangan Perwakilan Nasional **Parti Induk** yang mana salah seorang daripadanya mestilah Ketua Pemuda Negeri.

3.4 Peringkat Nasional

3.4.1 Persidangan Perwakilan Pemuda Nasional hendaklah memilih daripada wakil-wakil ke Persidangan Perwakilan Pemuda Nasional

- (a) Seorang Ketua Pemuda Nasional
- (b) Seorang Timbalan Ketua Pemuda Nasional

- (c) **Tiga (3)** orang Naib Ketua Pemuda Nasional
- (d) **Lapan belas (18)** orang Ahli Jawatankuasa Nasional

4.0 MESYUARAT PEMILIHAN

4.1 Notis

- (a) Notis untuk mesyuarat pemilihan cawangan hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Cawangan dan dihantar **sekurang-kurangnya 14 hari** sebelum tarikh mesyuarat kepada semua ahli yang layak mengundi yang mana nama dan alamat mereka tertera dalam daftar ahli yang layak yang telah disahkan oleh Setiausaha Agung atau Timbalannya.
- (b) Notis untuk mesyuarat pemilihan bahagian hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Bahagian dan dihantar kepada semua wakil sah yang dipilih ke mesyuarat Bahagian yang berkenaan **sekurang-kurangnya 14 hari** sebelum tarikh mesyuarat Bahagian.
- (c) Notis untuk Persidangan Perwakilan Negeri hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Negeri dan dihantar kepada semua wakil sah yang dipilih ke Persidangan Perwakilan Negeri berkenaan **sekurang-kurangnya 21 hari** sebelum tarikh Persidangan Perwakilan Negeri.
- (d) Notis untuk Persidangan Perwakilan Nasional hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung dan dihantar kepada semua wakil yang layak **sekurang-kurangnya 21 hari** sebelum tarikh Persidangan Perwakilan Nasional.
- (e) Sekiranya terdapat mana-mana Setiausaha baik di peringkat cawangan, bahagian atau negeri yang enggan atau tidak dapat menandatangani notis mesyuarat/persidangan atau dalam keadaan ketiadaan Setiausaha berkenaan, mana-mana ahli-ahli yang layak mengundi yang diberi kuasa oleh Setiausaha Agung boleh menandatangani notis tersebut bagi pihak Setiausaha cawangan, bahagian atau negeri berkenaan.
- (f) Notis untuk mesyuarat pemilihan harus mengandungi butir-butir masa, tempat dan cara penyerahan borang pecalonan. Tiada mesyuarat pemilihan boleh diadakan di mana-mana kediaman atau rumah mana-mana calon melainkan dengan kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Penyelia Pemilihan Negeri.
- (g) Notis seharusnya menggunakan format yang ditetapkan dalam peraturan pemilihan ini.

5.0 SEMAKAN KE ATAS SENARAI PENGUNDI YANG LAYAK

- (a) Semua calon atau wakil yang diberi kuasa adalah diizinkan untuk menyemak senarai pengundi layak cawangan berkenaan atau senarai perwakilan bahagiannya dengan mengemukakan pertanyaan secara bertulis kepada setiausaha cawangan atau bahagian yang berkenaan sekurang-kurangnya sehari sebelumnya.

- (b) Tiada salinan senarai pengundi layak cawangan atau senarai perwakilan bahagian dibenarkan.
- (c) Senarai tersebut juga boleh diperiksa di Ibu Pejabat Bahagian dan Negeri dengan mengemukakan pertanyaan secara bertulis kepada Setiausaha cawangan atau bahagian berkenaan sekurang-kurangnya sehari sebelumnya.

6.0 PENCALONAN

6.1 Borang Pencalonan

- (a) Semua pencalonan seharusnya mengguna borang yang ditetapkan, dicadang dan disokong oleh ahli-ahli yang layak mengundi dan dengan persetujuan calon.
- (b) Borang pencalonan yang lengkap (**dalam dua salinan / salinan kembar**) hendaklah diserahkan sendiri atau melalui wakil di tempat dan dalam tempoh pencalonan yang telah ditetapkan, dan wakil yang diberi kuasa dalam notis berkenaan akan memperakui penerimaan borang pencalonan tersebut dengan mengesahkan salinan kembar borang pencalonan, yang kemudiannya dikembalikan kepada orang yang menyerahkannya.
- (c) **Tiada pengakuan penerimaan pencalonan akan diberi** jika borang pencalonan tidak diisi dalam salinan kembar.

6.2 Tempoh Pencalonan

Tempoh pencalonan adalah **dua (2) jam** pada hari yang ditetapkan untuk pencalonan, yang seharusnya **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari** sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat pemilihan berkenaan.

6.3 Semakan Borang Pencalonan

Sepanjang **setengah jam** berikutan tamatnya proses pencalonan, calon atau wakilnya dibenarkan menyemak borang pencalonan yang diterima dan membuat bantahan bertulis, jika ada.

6.4 Kesahihan Pencalonan

Sebaik tamatnya masa semakan borang pencalonan, Jawatankuasa Penyelia Pemilihan yang berkenaan akan bermesyuarat dan membuat keputusan atas kesahihan pencalonan, dengan mengambil kira bantahan yang diterima, jika ada.

6.5 Kesahihan Penerimaan Borang Pencalonan

- (a) Dalam pemilihan cawangan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Bahagian;
- (b) Dalam pemilihan bahagian akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri;

- (c) Dalam pemilihan negeri akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Nasional;

6.6 Susunan Nama Pada Kertas Undi

- (a) Susunan giliran nama-nama pada kertas undi akan dicabut sebaik sahaja tamat pencalonan **tanpa kira samada terdapat rayuan tentang pencalonan atau** tidak. Calon atau wakilnya berhak untuk menyaksi proses berkenaan.
- (b) Nombor yang dicabut bagi calon yang ditolak atau yang menarik diri akan disingkirkan dari kertas undi. Nombor yang telah dicabut oleh calon berkelayakan yang lain **akan dikekalkan** tanpa sebarang pindaan.

6.7 Penarikan Diri

- (a) Semua penarikan pencalonan yang dibuat secara bertulis oleh calon yang dicalonkan pada bila-bila masa sebelum pengundian dalam sebarang pemilihan akan diterima dan dalam kes di mana cuma dua calon bertanding untuk satu jawatan, penarikan oleh salah seorang calon akan menyebabkan jawatan berkenaan dimenangi oleh calon yang lain. Pengundian tidak perlu dijalankan.
- (b) Penarikan mana-mana pencadang atau penyokong untuk borang pencalonan yang telah diterima selepas tamatnya tempoh pencalonan **tidak akan menjejaskan kesahihan pencalonan berkenaan.**

7.0 AGEN PEMILIHAN

(a) Hak Melantik Agen

Setiap calon adalah dibenarkan melantik seorang agen pemilihan untuk memastikan pemilihan diadakan mengikut peraturan dan perundangan yang berkaitan. Agen tersebut juga akan dibenarkan untuk menyaksikan pengiraan undi.

(b) Prosedur Perlantikan Agen

Agensi pemilihan yang akan dilantik hendaklah merupakan seorang ahli yang layak mengundi atau perwakilan yang sah untuk cawangan, bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional berkenaan. Nama dan nombor keahlian dan kad pengenalan beliau hendaklah dihantar ke Jawatankuasa Penyeliaan berkenaan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum pemilihan.

8.0 KEMPEN PEMILIHAN

(a) Tempoh Berkempen

Tempoh berkempen ialah di antara hari pencalonan dan hari pengundian.

(b) **Peraturan Berkempen**

Semasa tempoh berkempen, calon atau agennya tidak boleh bertindak atau berucap dengan cara yang mana akan menjejaskan kepentingan Parti dan tidak boleh membuat sebarang tawaran demi meraih undi.

9.0 WARNA KERTAS UNDIi) **Pemilihan Cawangan, Bahagian & Negeri**

Warna kertas undi adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----|--------------------------------------|---------------|
| (a) | Ketua Pemuda | : Putih |
| (b) | Ahli Jawatankuasa | : Kuning |
| (c) | Wakil Ke Persidangan Bahagian | : Brown |
| (d) | Wakil Ke Persidangan Negeri | : Merah Jambu |
| (e) | Wakil Ke Persidangan Nasional Pemuda | : Biru |
| (f) | Wakil Ke Persidangan Nasional Parti | : Hijau |

ii) **Pemilihan Nasional**

Warna kertas undi adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----|--------------------------------|----------|
| (a) | Ketua Pemuda Nasional | : Putih |
| (b) | Timbalan Ketua Pemuda Nasional | : Biru |
| (c) | Naib Ketua Pemuda Nasional | : Hijau |
| (d) | Ahli Jawatankuasa Nasional | : Kuning |

Nota: Warna kertas undi boleh ditukar jika warna berkenaan tidak dapat diperolehi.

10.0 PROSEDUR PENGUNDIAN

- (a) Pengundian hendaklah dibuat secara undi sulit sahaja dan pengundi mesti mengundi **bilangan yang tepat** untuk jawatan yang dipilih, **tidak lebih ataupun kurang**, jika tidak, kertas undi tersebut akan dianggap sebagai tidak sah.
- (b) Seorang ahli yang layak mengundi mempunyai **satu undi sahaja** untuk pemilihan setiap jawatan.
- (c) Dalam kes di mana calon-calon mendapat jumlah undi yang sama, **pengerusi** yang mempengerusikan mesyuarat berkenaan mempunyai satu undi penentuan. Melainkan jika pengerusi berkenaan **bukan pengerusi** yang dipilih ke Cawangan, Bahagian, Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau Jawatankuasa Nasional, yang mana ianya akan ditentukan oleh **cabutan undi**.

- (d) Setiap ahli yang layak mengundi atau perwakilan hendaklah memaparkan kad pengenalan untuk tujuan pengenalan dan pendaftaran untuk pemilihan.
- (e) Dua atau lebih ahli yang layak mengundi akan dipilih di mesyuarat pemilihan sebagai penyemak kertas undi ketika pengiraan undi berlangsung di bawah penyeliaan seorang penyelia yang akan dipilih dengan cara yang sama.
- (f) Penyelia sesuatu pemilihan diwajibkan untuk menyerahkan borang keputusan pemilihan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan berkenaan dan satu salinan kepada Setiausaha Agung Pemuda dalam masa **tujuh (7) hari dari tarikh setiap pemilihan**. Borang keputusan pemilihan tersebut hendaklah disahkan oleh Penyelia dan ditandatangani oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (g) Semua kertas undi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat atau kotak yang tertutup oleh Penyelia dan disimpan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri atau Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Nasional, bergantung kepada keadaan, untuk satu tempoh selama enam (6) bulan.
- (h) Satu tempoh masa **sekurang-kurangnya 1 jam atau suatu jangka masa yang memadai** untuk semua pengundi membuang undi dalam sesuatu pemilihan, mana **yang lebih pendek**, mesti dilaksanakan untuk pengundian dalam pemilihan di pelbagai peringkat. Tempoh masa pengundian boleh dipendekkan dengan keputusan sebulat suara oleh semua calon dalam pemilihan berkenaan atau setelah semua ahli atau perwakilan yang layak mengundi telah membuang undi dalam pemilihan berkenaan.
- (i) Tempoh membuang undi **boleh dipanjangkan** oleh penyelia pemilihan jika terdapat ahli layak mengundi yang telah **mendaftarkan kehadiran mereka dalam masa satu jam tersebut** tetapi tidak sempat membuang undi kerana pembarisan terlalu panjang atau terlalu ramai pengundi berkecukupan yang hadir.

11.0 KUORUM

- (a) Kuorum sesuatu mesyuarat ialah sekurang-kurangnya **15 atau satu per empat (1/4)**, mana satu yang kurang, dari bilangan pengundi yang layak.
- (b) Jika kuorum masih tidak cukup selepas setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk satu mesyuarat pemilihan, mesyuarat hendaklah ditangguhkan untuk setengah jam yang kemudian; jika masih tidak cukup ahli untuk membentuk kuorum di **setengah jam yang kedua**, ahli-ahli mengundi atau wakil-wakil yang hadir di mesyuarat pemilihan mempunyai kuasa untuk melangsungkan pemilihan dan urusan pada hari itu dan keputusan yang dibuat dianggap sah.

12.0 JAWATANKUASA PENYELIAAN PEMILIHAN

- (a) Semua pemilihan Cawangan di sebuah Bahagian hendaklah dijalankan di bawah arahan dan penyeliaan Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Bahagian

yang terdiri daripada Ketua Pemuda Bahagian, setiausahanya dan tiga (3) orang ahli mengundi yang lain yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemuda Bahagian di Bahagian yang sama di mana cawangan-cawangan ditubuhkan.

- (b) Semua pemilihan Bahagian di sebuah Negeri hendaklah dijalankan di bawah arahan dan penyeliaan Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri yang terdiri daripada Ketua Pemuda Negeri, setiausahanya dan tiga (3) orang ahli mengundi yang lain di Negeri yang sama di mana Bahagian-Bahagian yang berkenaan ditubuhkan.
- (c) Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Pemuda Nasional akan ditubuhkan oleh Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional, yang tugasnya termasuk:
 - i) Menyelia Pemilihan semua negeri dan nasional;
 - ii) Membuat keputusan atas pengaduan/rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Bahagian atau Negeri;
 - iii) Membuat keputusan atas sebarang perbalahan dalam pentafsiran peraturan pemilihan atau mana-mana perkara lain yang berhubung dengan Pemilihan Pemuda.

Keputusan Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Nasional adalah muktamad dan terikat mengenai rayuan ke atas pemilihan Bahagian samada ia dikemukakan secara langsung atau dirujuk oleh Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri ataupun perkara berbangkit mengenai pentakrifan peraturan pemilihan.

Namun, rayuan ke atas pemilihan negeri dan nasional, keputusan Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Nasional boleh dirayu kepada Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional yang mana keputusannya adalah muktamad dan terikat.

13.0 PROSEDUR PENGADUAN

13.1 Terhadap Keputusan Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Bahagian dan Negeri Kepada Jawatankuasa Penyelia Pemilihan Nasional

Pengaduan terhadap keputusan oleh

- (a) Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Bahagian, dan/atau
- (b) Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri tentang penamaan atau pemilihan Cawangan atau Bahagian boleh dilakukan oleh pihak yang mengadu kepada Jawatankuasa Penyelia Pemilihan Nasional, yang keputusannya adalah muktamad dan mesti dipatuhi.

13.2 Terhadap Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Nasional Kepada Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional

Sebarang pengaduan terhadap keputusan Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Nasional tentang penamaan atau pemilihan Negeri atau Nasional

boleh dilakukan pihak pengadu kepada Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional, yang keputusannya adalah muktamad dan mesti dipatuhi.

14.0 PROSEDUR RAYUAN

Rayuan terhadap keputusan oleh:

- (a) Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Bahagian boleh dilakukan oleh pihak yang terbabit kepada Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri di mana terletaknya bahagian tersebut;
- (b) Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Negeri boleh dilakukan oleh pihak yang terbabit kepada Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Pemuda Nasional, yang keputusannya adalah muktamad dan terikat.
- (c) Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Nasional atas pemilihan negeri atau nasional boleh dilakukan oleh pihak yang terbabit ke Jawatankuasa Kerja Pemuda Nasional yang keputusannya adalah muktamad dan terikat.
- (d) Sebarang rayuan mestilah dibuat **dalam tempoh masa 24 jam** dari masa pengumuman ketidaksahihan pencalonan dan pemilihan.